

HARI : ISNIN

TARIKH : 26/8/2019

M/SURAT : 6

Lapor jika berlaku monopoli projek

■ BUTTERWORTH 25 OGOS

MANA-MANA pihak yang mempunyai maklumat mengenai kewujudan komplot dalam bidaan projek kerajaan perlu melaporkan kepada pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, laporan juga boleh dibuat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang bertanggungjawab secara langsung berhubung perkara tersebut.

Jelas beliau, dakwaan itu sekiranya benar merupakan satu kesalahan dan penyelewengan ker-

ana melibatkan ketirisan dana awam sekali gus boleh diambil tindakan.

"Jika ada kartel (monopoli) itu tidak diizinkan kerana kita mahu satu persaingan yang adil dan tidak harus ada mana-mana konspirasi daripada pihak tertentu untuk tekanan harga supaya dapat memihak kepada mereka," katanya kepada pemerita di sini hari ini.

Guan Eng mengulas mengenai laporan sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit kini dalam siasatan MyCC kerana syarikat yang memenangi tender itu disyaki berkomplot dalam bidaan hingga menyebabkan ketirisan dana awam.

Laporan itu turut menyebut siasatan berkenaan dibuat susulan aduan dan maklumat di-

terima MyCC mengenai taktik kontraktor dan pembekal yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak menjadi lebih tinggi.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan Berkata, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) akan menjalankan penilaian terperinci berhubung projek memindahkan air mentah dari Perak ke negeri ini yang melibatkan perbelanjaan kira-kira RM1 bilion.

Menurut beliau, projek Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak dengan usahasama pihak swasta dan awam itu akan dijalankan secara tender terbuka menerusi permohonan cadangan (RFP).

"Saya percaya Perak bersedia mendengar pandangan dan juga cadangan yang disyorkan dan yang penting projek ini akan memberikan manfaat kepada kedua-dua negeri," katanya.



LIM GUAN ENG